



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN MAC 2024

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi bulan Mac 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih daripada 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada sebelas sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Terdapat sembilan sub-indeks di dalam BSI. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 50.0 bagi bulan Mac 2024 menunjukkan sentimen keseluruhannya adalah lebih kurang sama dengan bulan Februari 2024. Kebanyakan para peniaga mengongsikan jangkaan keadaan perniagaan yang lebih baik didorong oleh peningkatan dalam permintaan dan jualan dari promosi sempena bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri. Di samping itu, terdapat juga beberapa perniagaan yang menjangka peningkatan aktiviti perniagaan dengan adanya pelanggan-pelanggan dan projek-projek baharu pada bulan Mac 2024. Walau bagaimanapun, keyakinan ini diimbangi oleh sentimen pesimistik dari para peniaga dalam beberapa sektor dengan waktu bekerja pada bulan Ramadhan yang lebih singkat dan menyebabkan kelembapan dalam keadaan perniagaan. Indeks bagi satu bulan (1M) ke hadapan berada pada tahap 50.2, menunjukkan aktiviti perniagaan dijangka akan bertambah baik pada bulan April 2024 dengan penyambungan semula waktu bekerja seperti biasa, projek-projek baharu, dan juga jangkaan keadaan permintaan yang mapan dari segi produk dan juga perkhidmatan sepanjang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.0 bagi bulan Mac 2024 dan 50.3 untuk satu bulan ke hadapan, dan bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan secara amnya, para peniaga tidak merancang untuk menambah tahap pelaburan pada bulan Mac tetapi akan meningkatkan pada bulan seterusnya dan juga tiga bulan ke hadapan. Beberapa perniagaan menjangka akan meningkatkan stok dan inventori pada bulan April 2024 sebagai persediaan untuk peningkatan permintaan selama sambutan Hari Raya Aidilfitri, pembelian pengangkutan, mesin, peralatan dan bahan-bahan berkaitan dengan projek, serta pengubahsuaian pejabat dan fasiliti. Merandang ke hadapan, beberapa perniagaan melaporkan rancangan penaiktarafan sistem dan infrastruktur untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan keupayaan pengeluaran.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.3 bagi bulan Mac 2024 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan, dimana rata-rata terdapat perancangan untuk menambah jumlah pekerja bagi bulan Mac dan April 2024. Banyak perniagaan telah mengambil pekerja sepenuh masa untuk memastikan tenaga kerja adalah mencukupi, selaras dengan peningkatan aktiviti perniagaan dan projek baharu. Walau bagaimanapun, terdapat juga pengambilan pekerja sambilan dan *intern* khusus bagi persediaan musim perayaan yang akan datang.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.2 bagi bulan Mac 2024 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, para peniaga menjangka kos perniagaan pada bulan Mac 2024 akan meningkat berbanding dengan bulan Februari 2024. Peningkatan kos ini disebabkan oleh perbelanjaan gaji yang lebih tinggi dengan tambahan tenaga kerja dan bayaran lebih masa serta peningkatan kos bahan-bahan. Bagi bulan hadapan, perniagaan menjangka kos operasi yang lebih tinggi, terutamanya disebabkan oleh kembalinya semula waktu bekerja seperti biasa, peningkatan perbelanjaan aktiviti perniagaan, dan kos pemasaran dan aktiviti promosi yang lebih tinggi sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

BSI Mac 2024	
Keadaan Perniagaan	50.0
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Pelaburan	50.0
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.3
Pengambilan Pekerja	50.3
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.2
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.2

8. Dari segi **sektor ekonomi**, tujuh daripada sebelas sektor mencatatkan sentimen optimistik pada bulan Mac 2024. Sektor Pengangkutan & Komunikasi terus mencatatkan sentimen optimistik yang tertinggi dengan indeks 50.7 untuk bulan kedua berturut-turut disebabkan oleh jangkaan permintaan produk dan perkhidmatan yang lebih tinggi dengan peningkatan perjalanan semasa musim cuti persekolahan pada hujung bulan Mac 2024. Sektor Pembinaan juga mengongsikan pandangan optimistik bagi bulan Mac 2024 dengan permulaan projek-projek baharu. Sementara itu, sektor Perdagangan Borong & Runcit menjangka peningkatan dalam permintaan produk, khususnya dengan promosi-promosi Ramadhan

yang sedang berlangsung serta persediaan untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri. Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Perniagaan dan sektor Pembuatan juga berpandangan sedikit optimistik dengan jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan disebabkan oleh bulan Mac yang merupakan bulan bekerja yang lebih panjang berbanding dengan bulan Februari. Sektor Perkhidmatan Lain berpandangan optimistik terhadap projek-projek dan pelanggan baharu, manakala sektor Kewangan & Insurans pula menjangka peningkatan aktiviti perniagaan pada bulan Mac 2024. Sebaliknya, tiga sektor menunjukkan sentimen pesimistik bagi bulan Mac 2024. Secara amnya, perniagaan dalam sektor Hotel & Restoran dan sektor Harta Tanah & Pemilikan Kediaman mengongsikan jangkaan penurunan aktiviti perniagaan semasa bulan Ramadhan. Sektor Kesihatan & Pendidikan juga menjangka kelembapan dalam prestasi perniagaan disebabkan waktu bekerja yang lebih pendek. Sementara itu, sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan melaporkan keadaan perniagaan yang hampir sama seperti bulan Februari 2024.

Keadaan Perniagaan Mac 2024 Mengikut Sektor	
Pengangkutan & Komunikasi	50.7
Pembinaan	50.4
Perdagangan Borong & Runcit	50.4
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.2
Pembuatan	50.2
Kewangan & Insurans	50.1
Perkhidmatan Lain	50.1
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.0
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	49.9
Kesihatan & Pendidikan	49.6
Hotel & Restoran	49.3

9. Dari segi indeks mengikut **saiiz perniagaan**, perniagaan bersaiz besar melaporkan jangkaan keadaan perniagaan yang lebih baik dengan projek-projek baharu pada bulan Mac 2024 serta jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan berbanding dengan bulan sebelumnya. Sebaliknya, perniagaan bersaiz mikro menjangka kelembapan pada bulan Mac 2024 disebabkan faktor-faktor seperti waktu bekerja yang lebih pendek dan pengurangan dalam permintaan untuk produk dan perkhidmatan semasa bulan Ramadhan. Sementara itu, perniagaan kecil dan sederhana menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama berbanding bulan Februari 2024.

Keadaan Perniagaan Mac 2024 Mengikut Saiz	
Mikro	49.9
Kecil	50.0
Sederhana	50.0
Besar	50.1


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 23 Syawal 1445H / 2 Mei 2024M
Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikandalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.

Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama/tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Mac 2024



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.